ISLAMIC MANAGEMENT

DIB 1223

USTAZ MUHAMMAD ZA'IM BIN HUSAIN

KONSEP PENGURUSAN ISLAM

- Sistem pengurusan Islam adalah satu sistem yang sangat lengkap dan sistematik di mana ia berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunnah. Prinsip pengurusannya jelas, penyusunan dan perancangan pengurusan yang teratur, pengawasan yang menyeluruh dan terperinci dan motivasi yang mempunyai asas yang kukuh untuk mendapat keredhaan Allah SWT dan tidak semata-mata kebendaan dan keduniaan sahaja.

Pengurusan

- Pengurusan merupakan satu proses sosial selaras dengan perkembangan manusia dan komuniti disekelilingnya. Pengurusan dikaitkan dari pengurusan sebuah keluarga, komuniti atau organisasi hinggalah kepada pengurusan sebuah negara

- tertentu. Urusan sering dikaitkan dengan pentadbiran dan apabila memperkatakan tentang konsep pengurusan pasti mencakupi 3 elemen utama iaitu :
- i. Pengurus
- ii. Organisasi
- iii. Tatacara atau garis panduan pengurusan.

Proses Pengurusan



Pentadbiran

- Menurut Kamus Dewan, pentadbiran bererti perbuatan melaksanakan urusan mengelola atau menjalankan sesuatu pejabat, kerajaan dan lain-lain . Dengan kata lain pentadbiran ialah satu perlakuan untuk mengurus atau bertindak sebagai ejen dalam hal-ehwal fungsi pemerintahan atau fungsi kerajaan.

Konsep Tauhid

- Pendekatan yang bersepadu dalam pengurusan atau pentadbiran Islam semestinya berteraskan kepada konsep tauhid. Tauhid merupakan intipati ajaran Islam. Maka, tauhid bermakna hanya Allah SWT sebagai Tuhan sekalian alam dan Maha Berkuasa ke atas sekalian makhlukNya. Konsep tauhid mencerminkan pandangan dunia dan alam yang bersepadu.

HABLUN MINALLAH

- Hablum minallah bermaksud hubungan dengan Allah.
- Hubungan terbaik dengan Allah SWT adalah beriman dan bertakwa dengan melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi semua larangan-Nya.
-

- Islam mengajarkan kita berhubungan baik dengan Allah saja tidak cukup. Rajin ibadah seperti solat, zakat, dan puasa tidak cukup, namun juga harus diimbangi dengan hubungan yang baik dengan sesama manusia.

- Allah SWT berfirman:
- ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُواْ إِلاَّ بِحَبْلٍ مِّنَ اللّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَآؤُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُواْ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللّهِ وَيَقْتُلُونَ الأنبِيَاء بِغَيْرِ حَقٍّ ذَلِكَ بِمَا عَصَواْ وَّكَانُواْ يَعْتَدُونَ
- *“Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia dan mereka kembali mendapat kemurkaan dari Allah dan mereka diliputi kerendahan. yang demikian itu karena mereka kafir kepada ayat-ayat Allah dan membunuh Para Nabi tanpa alasan yang benar. yang demikian itu disebabkan mereka durhaka dan melampaui batas*
-

- Allah juga berfirman:
- وَاعْبُدُواْ اللّهَ وَلاَ تُشْرِكُواْ بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَى وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللّهَ لاَ يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالاً فَخُورًا
- *"Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatupun. dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu-bapa, karib-kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, dan teman sejawat, Ibnu sabil dan hamba sahayamu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."* (QS. An-Nisa ayat 36).
- Ayat-ayat diatas menunjukkan bahwa hablum minallah dan hablum minannas adalah dua sisi mata yang tidak boleh dipisahkan

HUBUNGAN DENGAN MANUSIA

- ablumminannas adalah hubungan baik dengan sesama manusia. Harmoni sosial, dengan tetangga, teman kerja, lingkungan, dan lain-lain
- عَنْ أَبِي ذَرّ جُنْدُبْ بْنِ جُنَادَةَ وَأَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنْ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "اِتَّقِ اللهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَأَتْبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمْحُهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ" [رواه الترمذي وقال حديث حسن وفي بعض النسخ حسن صحيح]
- "Dari Abu Dzar Jundub bin Junadah dan Abu Abdirrahman Muadz bin Jabal radhiyallahu ‘anhuma, dari Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam beliau bersabda, “Bertakwalah kepada Allah di mana pun engkau berada. Iringilah keburukan dengan kebaikan, niscaya kebaikan tersebut akan menghapuskan (keburukan). Dan pergauilah manusia dengan akhlak yang mulia.” (HR. At-Tirmidzi, dan dia berkata: Hadits Hasan Shahih)
-

- Takwa yang diperintahkan Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam tidak mengenal tempat. Bertakwalah di mana pun berada, baik saat sunyi sendirian terlebih lagi ketika berada di tengah keramaian. Inilah sebenar-benarnya takwa dan merupakan takwa yang paling berat.
- Dalam hadits tersebut Rasulullah Saw juga berwasiat agar bersegera melakukan kebaikan tatkala terjerumus dalam keburukan. Hadits ini juga menjelaskan perintah untuk segera bertobat kepada Allah. Karena taubat merupakan amal shalih yang paling mulia dan harus disegerakan pengerjaannya.
-

- Hubungan sesama manusia kuncinya adalah akhlak yang baik.

  أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

- “Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling bagus akhlaknya.” (HR. At-Tirmidzi No. 2612, ia berkata: Hadits Shahih).

  Bahkan dalam hadits yang lain disebutkan, pada hari kiamat orang yang paling dekat dengan Rasulullah yaitu yang paling bagus akhlaknya. Tidak hanya itu, dengan memiliki akhlak mulia, maka akan dicintai oleh manusia yang lainnya terlebih Rasulullah SAW.Dengan demikian, hablumminallah adalah dengan takwa. Hablumminannas adalah dengan akhlaqul karimah (akhlak mulia).

KESAN TAUHID TERHADAP PENGURUSAN

- Individu muslim akan bersikap terbuka, tidak jumud dan sempit fikirannya. Dari sudut pengurusan, dia akan menjadi seorang pekerja yang beramanah, cekap dan berdisiplin. Dia melihat organisasi sebagai satu unit kecil daripada sistem alam semesta yang tujuan akhirnya adalah untuk mendapat rahmat dan keredhaan Allah SWT.

- Melahirkan insan yang mempunyai harga diri (self-respect) dan keyakinan diri (self-esteem) yang paling tinggi. Dalam organisasi , individu seperti ini akan berani memperkatakan sesuatu yang hak dan benar,walaupun ini boleh menjejas kedudukannya. Walaupun demikian, sekiranya ini perlu dilakukan di hadapan seorang ketua, ia hendaklah dilakukan dengan cara yang hikmah

- Menjana insan yang mempunyai rasa rendah diri dan tawaduk. Ia tidak bersikap sombong, angkuh dan bongkak walaupun mempunyai kuasa atau autoriti dalam organisasi. Sikap pekerja atau pengurus seperti ini akan dapat membentuk budaya kerja yang dicirikan oleh semangat hormat-menghormati, prihatin dan tolong-menolong di antara satu sama lain.

- Konsep tauhid akan menjadikannya manusia itu orang yang soleh, berani dan berdiri tegak dalam kebenaran. Individu tersebut percaya dia tidak akan menempah kejayaan melainkan dia mengikut perintah Allah SWT. Keyakinan seperti ini sudah tentunya akan menjadikan seseorang pekarja atau pengurus itu mengamalkan nilai-nilai murni, amanah dalam tanggungjawab dan rajin serta cekap menjalankan tugas.

- Tidak akan mudah putus asa apabila berlakunya musibah ataupun kegagalan
- Semangat tauhid membina insan yang mempunyai tahap kesabaran, keazaman dan kesungguhan yang tinggi.
- Mewujudkan sikap aman, redha dan menghakiskan sikap dengki, tamak haloba dan iri hati.
- Membuatkan manusia patuh kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

KONSEP AL-ISTIKHLAF

- Istikhlaf ialah suatu istilah yang bermakna ketetapan manusia yang ditugaskan dan diwakilkan oleh Allah SWT untuk membangun dan memakmurkan dunia. Penugasan ini dikuatkuasakan Allah dengan mengangkat manusia sebagai wakil-Nya(khalifah) dan pemegang amanahNya untuk mentadbir dan memajukan kehidupan dunia.Dalam erti kata lain istikhlaf merupakan satu prinsip dengan jelas dan tegas menzahirkan penugasan Ilahi ke atas manusia iaitu untuk menjadi pengurus dunia.

- Diperuntukkan kepada manusia sejak awal kejadian iaitu semasa Nabi Allah Adam diciptakan.
- Manusia dipilih oleh Allah untuk diberi kepercayaan dibandingkan dengan makhluk-makhluk lain iaitu untuk memikul tugas membangun dan memakmurkan dunia.
-

- Dari titik inilah manusia ditetapkan dengan tanggungjawab mengurus segala isi kandungannya. Ianya adalah termasuk manusia itu sendiri, segala sumber kekayaan alam dan segala pemberian serta kemurahan Ilahi dalam bentuk ilmu termasuk sains dan teknologi.
- Berdasarkan Firman Allah yang bermaksud : “Bagi Allahlah segala yang ada di langit dan di bumi”. Terjemahan Surah al-Maidah : 17. Oleh itu manusia bertanggungjawab menjaga, mengolah, mengguna dan mengagihkan harta yang mereka miliki sebaik-baiknya bagi memenuhi keperluan bagi mereka yang memerlukannya.
-

1.Melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah

- menjaga semua kurniaan Allah S.W.T dalam keadaan keadaan yang baik. Dengan kewajipan ini, aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan kerosakan kepada diri dan orang lain, kerosakan kepada alam sekitar, pembaziran dan pemborosan, pengabaian terhadap sumber-sumber manusia dan asli dan lain-lain aktiviti yang seumpama ini adalah dilarang. Status manusia dalam konteks ini diciptakan untuk menjaga kurniaan Allah S.W.T dan bukan untuk mendatangkan kerosakan kepadanya.
-

- وَهُوَ ٱلَّذِي جَعَلَكُمۡ خَلَٰٓئِفَ ٱلۡأَرۡضِ وَرَفَعَ بَعۡضَكُمۡ فَوۡقَ بَعۡضٖ دَرَجَٰتٖ لِّيَبۡلُوَكُمۡ فِي مَآ ءَاتَىٰكُمۡۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ ٱلۡعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴾

- Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa derajat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.
- Al-An'am : 165

2) Memakmurkan bumi

- Umat Islam mestilah berusaha untuk melakukan kebaikan, menambah pengeluaran, mempertingkatkan kidmat bakti kepada masyarakat, membangun dan menggalakkan pertumbuhan.
- peranan yang positif untuk memakmurkan bumi. Dalam perspektif kegiatan ekonomi, falsafah ini akan menjuruskan segala aktiviti perekonomian di atas landasan yang sihat dan bermanfaat.
-

- ﴿۞وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمۡ صَٰلِحٗاۚ قَالَ يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥۖ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ وَٱسۡتَعۡمَرَكُمۡ فِيهَا فَٱسۡتَغۡفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيۡهِۚ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٞ مُّجِيبٞ﴾
- Dan kepada Tsamud (Kami utus) saudara mereka Shaleh. Shaleh berkata: "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada bagimu Tuhan selain Dia. Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya, karena itu mohonlah ampunan-Nya, kemudian bertobatlah kepada-Nya, Sesungguhnya Tuhanku amat dekat (rahmat-Nya) lagi memperkenankan (doa hamba-Nya)".
-

PERBEZAAN: PENGURUSAN ISLAM DAN BARAT

ASPEK	PENGURUSAN ISLAM	PENGURUSAN BARAT
ASAS DALAM PENGURUSAN	Berlandaskan Tauhid yang menekankan keseimbangan dunia & akhirat	Tidak berlandaskan Agama Islam, serta bersifat dualisme
OBJEKTIF	Keuntungan dan tanggungjawab social membawa kepada kebaikan hidup individu, organisasi, negara dan ummah secara menyeluruh	Maksimumkan keuntungan untuk kebaikan diri, organisasi serta negara dari sudut keduniaan dan kebendaan semata-mata
FUNGSI INDIVIDU	Hamba Allah dan khalifahNya di bumi	Mengabdikan diri kepada ketua dan organisasi
SISTEM GANJARAN	Upah yang mengambil kira dosa dan pahala serta halal dan haram	Bersifat keduniaan dalam jangka pendek

ASPEK	PENGURUSAN ISLAM	PENGURUSAN BARAT
KONSEP BEKERJA	Berlandaskan niat yang ikhlas Bekerja sebagai satu ibadah	Bekerja untuk mencapai kepuasan kebendaan, kehidupan dan kepuasan diri semata-mata
MOTIVASI	Untuk mendapat keredhaan Allah selain untuk memenuhi tuntutan majikan	Didorong dengan faktor kebendaan dan pengiktirafan majikan
UKURUAN PRESTASI	Berdasarkan dimensi ekonomi, kerohanian dan tanggungjawab sosial	Berdasarkan dimensi ekonomi dan kebendaan
SUMBER	Al-Qur'an dan Al-Sunnah	Sentiasa berubah dan bergantung kepada dorongan suasana dan tuntutan semasa

ASPEK	PENGURUSAN ISLAM	PENGURUSAN BARAT
ETIKA KERJA	Berasakan akhlak dan etika islam yang kekal	Berubah-ubah mengikut norma dan nilai masyarakat yang berubah
PENEKANAN	Membina peribadi insan dan akhlak yang mulia	Menekankan ilmju dan kemahiran sehinggamerendahkan soal akhlak
HUBUNGAN DENGAN AGAMA	Terikat dengan hukum-hukum agama Islam terutama dalam membuat keputusan dan membentuk budaya	Tiada kaitan langsung dengan hukum-hukum agama dalam pengurusan. Soal agama hanyalah pada urusan peribadi

CONTOH MODEL PENGURUSAN DALAM ISLAM

- Rasulullah SAW sebagai pemimpin tertinggi yang dilantik oleh pemimpin yang Maha Tinggi maka wajar dijadikan uswah hasanah (contoh tauladan). Gaya kepimpinan, dorongan dan sifat baginda yang penyayang telah berjaya merangsang umat Islam untuk mencapai matlamat yang dirancang.

ERA MEKAH

Dakwah Secara Rahsia

Pada hari pertama dakwah, seramai 4 orang telah memeluk Islam. Mereka ialah :-

- i. Khadijah binti Khuwaylid (isteri Baginda)
- ii. Zayd bin Thabit bin Shurahbil al-Kalbi (hamba Baginda)
- iii. Ali bin Abu Talib (sepupu Baginda, beliau masih kanak-kanak dan di bawah jagaan Baginda)
- iv. Abu Bakar as-Siddiq (sahabat setia Baginda)

- Seterusnya bilangan yang memeluk Islam semakin bertambah hingga bilangannya
- melebihi 40 orang. Walau bagaimanapun, berlaku perselisihan berkaitan bilangan
- mereka di kalangan para ulama. Golongan yang terawal memeluk Islam digelar
- sebagai al-Sabiqun al-Awwalun.

- Antara perintah awal yang diturunkan ilah perintah mendirikan solat. Sepanjang
- tempoh rahsia ini, terbentuk persaudaraan akrab di kalangan orang yang memeluk
- Islam. Setelah hampir 3 tahun, orang-orang Quraisyh Mekah mula mengetahui
- dakwah sulit itu. Walaupun pada awalnya mereka tidak mempedulikan, namun
- mereka tetap menghantar orang untuk mengintip untuk mengetahui hasil dakwah
- Nabi Muhammad SAW.

Dakwah Secara Terbuka

1. Terus terang kepada Kaum Kerabat

Dakwah secara terbuka berlaku pada tahun ke -4 kenabian Baginda SAW. Ayat pertama yang turun berkenaan hal ini ilaha ayat 214 dari surah Asy-Shu'ara' :

وَأَنذِرْ عَشِيرَتَكَ ٱلْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

Ertinya : Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat.

Usaha dakwah secara terbuka kepada kaum kerabat dapat dibahagikan kepada beberapa langkah :

1. Memanggil Bani Hashim. Turut serta ialah Bani al-Muttalib bin 'Abd Manaf. Sebelum Nabi SAW berucap, Abu Lahab terlebih dahulu memberikan ucapan dengan meremehkan Nabi SAW.

2. Baginda memanggil mereka kali kedua. Kali ini, Abu Talib telah mengatakan bahawa sokongan akan diberikan terhadap apa yang diucapkan oleh Nabi SAW.

2.Dakwah secaraTerus terang kepada orang ramai (umum)

Peringkat ini dijalankan oleh Rasulullah SAW setelah turunnya perintah Allah di dalam Surah al-Hjir ayat 94 :

فَٱصۡدَعۡ بِمَا تُؤۡمَرُ وَأَعۡرِضۡ عَنِ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ٩٤

Ertinya : *Sampaikanlah secara berterus terang apa yang diperintahkan kepada kamu (wahai Muhammad) dan jangan engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum musyrikin.*

Apabila turun ayat ini, Rasulullah terus menjemput kaum Quraisy serta pembesar-pembesar Quraisy menghadiri perjumpaan (rapat umum) di kaki bukit Safa dan menyeru mereka kepada agama Islam dan menyembah Allah SWT.

Dakwah pada peringkat ini menerima tentangan hebat dari kafir Quraisy. Penganut Islam khususnya golongan hamba dan orang miskin menerima pelbagai penyeksaan. Selepas peringkat ini, ajaran Islam terus tersebar luas dan pemgikut Islam semakin bertambah meliputi penduduk Mekah dan luar Mekah.

PENGURUSAN RASULULLAH SAW DARI SEGI PENDIDIKAN

- Menyampaikan ilmu Pendidikan Islam

Menyampaikan ilmu Pendidikan Islam	•Rumah Al-Arqam ibn Abi Al-Arqam merupakan Pendidikan Islam yang pertama, iaitu pada tahun 610 M. Galakan Rasulullah SAW kepada umat Islam supaya menguasai berbagai ilmu pengetahuan bukan sekadar kata-kata dalam bentuk sabda dan teori sahaja, malahan diperlihatkannya menerusi amalan. Baginda tidak henti-henti menyampaikan ilmu Allah itu sama ada di rumahnya, di rumah sahabat , di masjid mahupun di tempat-tempat perhimpunan. Baginda SAW sekali-kali tidak mengizinkan individu dan masyarakat Islam berada dalam kejahilan dan buta huruf.
Perintahkan sahabat belajar menulis	•Baginda menyuruh agar setiap seorang memberi pelajaran kepada keluarganya. Pada zaman permulaan itu, umat Islam hanyalah mengambil berat tentang hukum-hukum agama daripada Al-Quran dan tafsirnya, hadis dan hal-hal mengenai periwayatan hadis serta bagaimana menentukan hukum hakam mengenai sesuatu perkara dan masalah yang baru berlaku dari satu masa ke satu masa.

Galakan kepada kaum perempuan untuk menuntut ilmu

- Rasulullah SAW amat-amat menggalakkan kaum perempuan supaya sama-sama menuntut ilmu pengetahuan. Sebagai contoh Baginda pernah mengundang Shafah Al-Adawiyah mengajar isterinya Sayyidah Hafsah menulis dan membaca. Galakan Rasulullah itu kemudiannya menghasilkan bilangan umat Islam yang ramai tahu membaca dan menulis sama ada lelaki atau perempuan.

ERA MADINAH

tiga langkah yang diambil oleh Rasulullah dalam membentuk piagam Madinah.

- Membina masjid
- Program Keluarga angkat
- Perjanjian dengan Yahudi

MEMBINA MASJID

- •Baginda telah membeli sebidang tanah untuk tapak masjid dengan harga sepuluh dinar yang dipungut daripada derma ikhlas para sahabat. Masjid ini dibina supaya ia menjadi sebuah parlimen untuk menyatupadukan ummah, sebuah universiti bagi mengajar soal-soal keagamaan dan keduniaan, sebuah mahkamah untuk kehakiman, sebuah rumah tumpangan bagi pengembara dan tempat di mana solat didirikan secara berjemaah.

PROGRAM KELUARGA ANGKAT

- •Program keluarga angkat yang diamalkan pada masa kini sebenarnya telah diperkenalkan oleh Islam semenjak 14 abad yang lampau. Ia mencerminkan satu pengurusan yang bervisi yang mempunyai kesan jangka panjang dalam menjayakan sesuatu kempen kemasyarakatan. Perkara pertama yang dilakukan oleh Nabi SAW ialah menjalinkan kemesraan antara golongan Muhajirin dan Ansar di mana setiap orang daripada Muhajirin akan mengambil seorang saudara angkat daripada Ansar.

PERJANJIAN DENGAN YAHUDI

- •Rasulullah SAW membuat perjanjian bertulis dengan yahudi. Dalam perjanjian tersebut diakui dan ditetapkan bahwa setiap golongan memiliki hak yang sama serta mempunyai kebebasan menjalankan syariat agamanya masing- masing dengan dasar saling menghormati dan menghargai. Setiap golongan wajib menjaga dan memelihara utuhnya kedaulatan kota madinah serta bersedia menjadi pembela yang setia jika terjadi ancaman dan serangan musuh dari luar kota.Mereka akan menjadikan kota madinah sebagai Madinatul haram atau kota suci yang harus terpelihara kesuciannya.

ASPEK ASPEK PIAGAM MADINAH

Pengakuan terhadap **Rasullah s.a.w sebagai Ketua Negara** Madinah yang wajib dipatuhi dan dihormati. Apa-apa masalah besar antara penduduk Islam dengan penduduk bukan Islam mestilah dirujuk kepada ketua negara untuk diselesaikan. Walaubagaimana pun, semua ketua kaum mempunyai hak untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri secara yang difikirkan berpatutan.

Semua penduduk Madinah hendaklah **hidup sebagai satu Ummah** yang tidak terpengaruh dengan apa – apa elemen yang tidak baik dari luar.

Semua penduduk hendaklah bersatu-pada, berkerjasama, dan **bertanggungjawab mempertahankan negara** dari apa -apa serangan musuh.

Semua penduduk diberi **kebebasan mengamalkan agama** masing – masing, dan tiada gangguan dan paksaan dalam hal keagamaan.

Keselamatan semua penduduk adalah terjamin selama mereka mematuhi perlembagaan tersebut.

Dengan tergubalnya Piagam Madinah, lahirnya sebuah negara Islam pertama di dunia di Madinah, yang menjadi induk kepada Empayar Islam selepasnya, yang memerintah dunia selama tujuh abad.

Hal ini menunjukkan pencapaian besar Rasulullah SAW dalam pelaksanaan hijrah dan mengubah landskap akidah, undang-undang dan akhlak masyarakat jahiliah adalah kerana kecemerlangan perancangan yang strategik. Rasulullah SAW menyedari walaupun Islam baru bertapak di Makkah, tetapi ia memiliki kekuatan untuk membina masa depan manusia selari dengan standard piawaian yang ditetapkan Allah. Oleh yang demikian, kepimpinan Rasulullah dalam merancang dan menguruskan pentadbiran perlu dicontohi bagi melahirkan sistem pengurusan yang terancang dan sistematik.

SEKIAN